

Tempoh perintah berkurung tingkat penggunaan kanabis

Laporan PBB turut dedah jumlah bunuh diri, gangguan psikiatrik akibat dadah meningkat

Vienna: Kebenaran penggunaan kanabis dan perintah sekatan pergerakan COVID-19 menyebabkan berlaku peningkatan penggunaan bahan itu secara tetap di beberapa kawasan, termasuk negeri di Amerika Syarikat (AS) yang membenarkannya.

Keadaan itu sekali gus meningkatkan risiko kemurungan dan bunuh diri, menurut laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) semalam.

Kanabis menjadi dadah paling meluas digunakan di seluruh dunia sejak sekian lama dan penggunaannya semakin meningkat, manakala bahan itu dalam pasaran semakin 'kuat' dari segi kandungan tetrahidrokanabinol (THC), kata Pejabat Dadah dan Jenayah PBB (UNODC) menerusi Laporan Dadah Dunia yang diterbitkan setiap tahun.

Beberapa negeri di AS membenarkan penggunaan kanabis bukan perubatan, bermula di Washington dan Colorado pada 2012.


Uruguay membenarkannya pada 2013, manakala Kanada pada 2018.

"Kebenaran penggunaan kanabis mempercepatkan peningkatan trend penggunaan harian dadah itu yang dilaporkan," kata laporan UNODC yang berpusat di Vienna.

Jelasnya, walaupun jumlah remaja menggunakan kanabis tidak banyak berubah, terdapat peningkatan ketara bagi kekerapan penggunaan produk kanabis yang amat kuat dalam kalangan remaja.

"Jumlah individu mengalami gangguan psikiatrik dan bunuh diri yang berkait dengan penggunaan kanabis secara tetap turut meningkat," katanya.

Menurut laporan itu, kira-kira 284 juta individu atau 5.6 peratus daripada populasi dunia menggunakan dadah seperti heroin, kokain, amphetamine atau eksta-si sepanjang 2020 dengan 209 juta



Kanabis jadi dadah paling meluas digunakan di seluruh dunia sejak sekian lama dan penggunaannya terus meningkat. (Foto REUTERS)

daripadanya menggunakan kanabis.

"Tempoh perintah berkurung ketika pandemik COVID-19 juga mendorong peningkatan penggunaan kanabis pada 2020," katanya.

Laporan sama memaklumkan, pengeluaran kokain mencatat rekod tertinggi pada 2020 dan pengedaran menerusi laut meningkat dengan data tangkapan tahun lalu

menunjukkan pengembangan di luar dua pasaran utama, iaitu Amerika Utara dan Eropah memasuki Afrika dan Asia.

Opioid pula kekal sebagai dadah paling berbahaya dengan fentanyl menyebabkan peningkatan kematian akibat terlebih dos di AS ke tahap tertinggi dengan anggaran kes pada 2021 sebanyak 107,622. REUTERS